

'Keputusan Malaysia berpaksi kepentingan rakyat dan negara'

Anwar sifatkan pendekatan digunakan dipandang tinggi peringkat antarabangsa

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, semua keputusan dibuat Malaysia dalam urusan diplomasi antarabangsa, termasuk sepanjang tempoh mempengerusikan ASEAN 2025 adalah berpaksikan kepada kepentingan rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata, sepanjang tempoh itu, Malaysia kekal dengan pendekatan sederhana, *centrality* dan berkecuali secara menjalinkan hubungan baik dengan semua kuasa dunia, tanpa memihak kepada sesuatu pihak.

Beliau menegaskan, pendekatan itu diambil kepemimpinannya bagi memastikan manfaat ekonomi, pelaburan dan perdagangan dapat dirasakan oleh rakyat negara ini.

"Ada orang mempersoalkan kenapa kita (Malaysia) mesra dengan China? Ada pula kata kita terlalu sambut Amerika Syarikat (AS).

"Tetapi kita juga baik dengan Brazil, Afrika Selatan dan Eropah kerana perdagangan dan pelaburan dengan mereka penting untuk rakyat," katanya pada sidang media penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab kritikan sesetengah pihak yang mendakwa la-



Majlis penutupan Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di KLCC, semalam.

(Foto BERNAMA)

watan Presiden AS, Donald Trump, diberikan sambutan berlebihan seolah-olah Malaysia tunduk kepada kuasa besar.

Sebaliknya, Anwar yang juga Pengerusi ASEAN 2025, menegaskan dasar luar Malaysia berasaskan prinsip saling menghormati dan maruah negara, bukan kerana kekayaan atau kedudukan sesebuah negara.

"Kita berkawan bukan sebab negara itu kaya atau miskin, tapi kerana menghormati maruah dan kedaulatan mereka," katanya sambil menegaskan setiap pertemuan dengan pemimpin dunia turut dimanfaatkan bagi memperjuangkan kepentingan umat Islam dan kemanusiaan termasuk isu Palestin.

"Kita bukan menyerah. Bila jumpa Presiden Donald Trump, saya nyatakan dengan jelas, (gesa Trump) hentikan serangan, hormati hak rakyat Palestin. Kita sampaikan terus, bukan sekadar jerit dari jauh," katanya.

Isu pelan damai 20 perkara

Malah, ketika berada dalam kenderaan rasmi Trump, *Cadillac One* atau *The Beast* menuju ke KLCC, Anwar memaklumkan, beliau mengambil peluang itu menyampaikan secara terus kepada Presiden Trump mengenai gesaan semua pihak menuntut penyelesaian komprehensif dan menyeluruh terhadap konflik di Palestin, khususnya Gaza.

Beliau berkata, teguran banyak negara terhadap kelonggaran pelan damai 20 perkara, turut disampaikan dan didengari Trump, hasilnya didasari dengan tindak balas AS sendiri untuk memaksa Israel menghentikan serangan dan larangan terhadap penaklukan berterusan rejim di Tebing Barat.

"Yang bincang hati ke hati, empat mata itu, saya dengan Presiden Trump. Jangan lupa, kita boleh menjerit di sini. Tapi orang mati di Gaza, dibunuh, dibom. Caranya bagaimana? maki Is-

rael.. sudah. Marah Amerika Syarikat.. sudah.

"Tapi ini kesempatan kita berjumpa sendiri (Trump). Sekarang ini, sekurang-kurangnya dengan campur tangan AS, dihentikan serangan dan dilarang penaklukan (Israel) di Tebing Barat. Mungkin tidak berjaya sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya pembunuhan dihentikan," katanya.

Perdana Menteri juga menepis dakwaan kononnya Malaysia terlalu mesra dengan Washington sehingga mengabaikan hubungan dengan Beijing, sebaliknya menegaskan kedua-duanya adalah rakan penting.

"Apakah hubungan dengan AS menghalang kita bekerjasama dengan China? Tidak! Malah kita akan menandatangani penambahbaikan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA 3.0). Kalau kita takut AS, takkan kita anjur sidang dengan China semalam (Isnin)," katanya.

Anwar menyifatkan sikap *centrality* itu sebagai kebijaksanaan diplomasi Malaysia yang kini dipandang tinggi pada peringkat antarabangsa.

"Ada memang dengki, bukan soal saya tapi mengenai nama baik Malaysia. Saya bangga kerana nama Malaysia kini harum di mata dunia," tegasnya.

Mengulas mengenai isu Myanmar, Anwar mengakui usaha penyelesaian konflik di negara itu agak rumit kerana menyentuh pelbagai isu, namun ASEAN tetap komited meneruskan usaha itu, berpandukan kepada Konsensus Lima Perkara (5PC).

Perdana Menteri berkata, sejak setahun lalu, hasil campur tangan ASEAN di bawah Kepengerusian Malaysia, serangan sudah dihenti di negara itu, namun ia bukan pada skala dilihat dalam tempoh dua ke tiga tahun lalu, yang mana kampung dihancurkan, pembunuhan berlaku dan ratusan pelarian melarikan diri.